

22/06/2003

Yadim perlu adakan kempen jelas negara Islam progresif

KERAJAAN melalui Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) perlu mengadakan kempen penerangan besar-besaran di seluruh negara bagi menjelaskan bentuk negara Islam progresif yang diamalkan di negara ini.

Wakil Badan Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Awang Jabar, berkata kempen itu perlu bagi menjelaskan kepada orang ramai semua program pembangunan Islam yang diusahakan kerajaan yang ditunjungi Umno supaya masyarakat tidak terus dikelirukan oleh Pas.

Katanya, pada hakikatnya, Malaysia ada sebuah negara Islam berdasarkan kepada takrif yang diberi oleh banyak tokoh dan ilmuan Islam.

"Berdasarkan seorang penulis politik Islam, Al Mawardi, sebuah negara Islam ditakrifkan berdasarkan kepada banyak ciri dan semua ciri itu ada kepada Malaysia.

"Pembangunan Islam di sesebuah negara membabitkan tiga aspek iaitu agama, pimpinan organisasi sesebuah parti dan moral ahli parti itu sendiri.

"Antara yang digariskan adalah keperluan menjaga agama, menjaga kehendak serta kehidupan rakyat, melantik jemaah menteri, mewujudkan sistem kehakiman, sistem pertahanan, mendirikan sembahyang lima waktu, mengendalikan urusan haji, pungutan zakat, menjaga hasil mahsul negara, membangunkan tanah, mengadakan sistem pentadbiran dan kewangan, membanteras jenayah dan tugas penguatkuasaan.

"Berdasarkan ciri-ciri yang kita gariskan itu, nampaknya kerajaan kita lakukan sekarang lebih dari itu," katanya semasa menyokong usul agama dan pendidikan, semalam.

Beliau yang juga Timbalan Ketua Umno Bahagian Dungun, berkata Yadim perlu diperluaskan ke setiap negeri bagi membolehkan program dan kempen dijalankan lebih berkesan.

"Kempen itu boleh diadakan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Khas (JHEK), yang mana bidang tugasnya juga perlu ditambah bagi tujuan yang sama.

"Falsafah pendidikan negara adalah bagi melahirkan ilmuan beragama dan agamawan yang berilmu, bukan hanya seimbang antara intelek dan emosi," katanya.

Awang berkata, cita-cita murni Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membangunkan Islam di negara ini cukup hebat dan serius dengan menubuhkan pelbagai institusi berkaitan.

Bagaimanapun, katanya, Umno, sentiasa menjadi buruan parti pembangkang dan sering dipersalahkan walau sebaik mana perkara yang dilakukan bagi membangunkan Islam.

Paling nyata Pas menuduh Malaysia bukan negara Islam walaupun hakikatnya kita adalah negara Islam berdasarkan kepada takrif yang diberikan banyak tokoh dan ilmuan Islam, katanya.